



MY CYBER HERO

Rookie Cyber Hero

Star Cyber Hero

Sekolah Rendah & Sekolah Menengah


Maklumat & Syarat

Peringkat Akhir

Maklumat & Syarat Pertandingan

1. Mekanik Pertandingan:

- a) Setiap pasukan akan memulakan pertandingan Defend Your Fort dengan Kekuatan Perisai (Shield Strength): 100 mata
- b) Nilai Kerosakan (Damage Point) adalah nilai mata yang akan ditolak dari Kekuatan Perisai (Shield Strength) apabila pasukan gagal dalam setiap misi yang akan diberikan
- c) Masa misi adalah masa yang diberikan kepada setiap pasukan untuk menyelesaikan setiap misi. Waktu untuk mulakan setiap misi akan ditentukan oleh penganjur / fasilitator. Pasukan tidak dibenarkan memulakan misi tanpa arahan dari penganjur / fasilitator, walaupun telah tamat misi yang sebelumnya
- d) Perincian untuk setiap misi akan diberikan kepada setiap pasukan pada waktu pertandingan. Perincian misi untuk Rookie Cyber Hero dan Star Cyber Hero akan berbeza tahap kesukaran.



2. Peranti / Komputer Pertandingan:

- a. Setiap pasukan akan dibekalkan dengan peranti / komputer bersama Virtual Box Windows 10 Pro dengan masalah atau kepincangan dalam tetapan keselamatan
- b. Semasa pertandingan, keseluruhan Virtual Box Windows 10 Pro ("Fort") adalah tanggungjawab pasukan yang perlu dipertahankan.
- c. Pasukan perlu tahu tetapan mana perlu diubah (atau tidak) untuk memastikan keseluruhan Virtual Box Windows 10 Pro itu selamat daripada serangan siber.
- d. Setiap satu tetapan yang perlu diperiksa dan diubah (atau tidak) adalah satu "misi" individu
- e. Misi-misi akan terbahagi kepada dua bahagian (Asas I: Sistem Operasi Komputer & Asas II: Rangkaian Komputer)
- f. Jika terdapat mata Kekuatan Perisai (Shield Strength) yang sama pada dua atau lebih pasukan selepas tamat semua misi Asas I dan Asas II, misi khas akan diberikan kepada pasukan terlibat sahaja untuk menentukan ranking. Misi-misi khas ini akan melibatkan tetapan yang mirip misi di dalam Asas I dan Asas II, tetapi untuk misi-misi khas ini Kekuatan Perisai (Shield Strength) akan ditambah berpandukan kurangnya percubaan dan pantasny masa yang diambil oleh pasukan untuk menyelesaikan misi-misi.

3. Folder Penganjur:

- a. Akan terdapat satu folder "DEFEND YOUR FORT" di dalam Virtual Box Windows 10 Pro yang akan dilabel dengan jelas milik penganjur/fasilitator. Pasukan tidak dibenarkan untuk cuba memasuki, mengaktifkan atau memadam folder ini. Pasukan akan dikira hilang kelayakan bertanding jika didapati memasuki, mengaktifkan atau memadam folder ini.

4. Misi “Defend Your Fort”:

MISI	ASAS I: SISTEM OPERASI KOMPUTER	NILAI KEROSAKAN	MASA MISI (minit)
1	DASAR KATA LALUAN	7	8
2	KAWALAN AKAUN PENGGUNA (UAC)	9	5
3	PENGGUNA BIASA (USER)	7	8
4	AKAUN TETAMU (GUEST)	5	10
5	FIREWALL	5	10
6	KEMASKINI WINDOWS	7	8
7	ANTIVIRUS DAN ANTIMALWARE	7	8
8	PORT LUARAN	5	10

MISI	ASAS II: RANGKAIAN KOMPUTER	NILAI KEROSAKAN	MASA MISI (minit)
1	PUSAT RANGKAIAN DAN PERKONGSIAN	5	10
2	SAMBUNGAN INTERNET	9	5
3	PENEMUAN RANGKAIAN	9	5
4	PERKONGSIAN FAIL DAN FOLDER	7	8
5	ALAMAT IP	9	5
6	KAWALAN DESKTOP JAUH	9	5